

NEGARA-MAHATHIR

1973

KUALA LUMPUR, 9 MEI (BERNAMA) -- SEORANG SENATOR HARI INI MENYERU PERTUBUHAN PELADANG MEMBELI JENTERA DAN BAJA DENGAN BANYAK UNTUK DI BAHAGI-BAHAGIKAN KEPADA AHLI SUPAYA PERBELANJAAN MENERJAKAN SAWAH DAPAT DIKURANGKAN DAN MENDATANGKAN KEUNTUNGAN LEBIH BESAR.

SENATOR DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA SALAH SATU MASAALAH BESAR YANG DIHADAPI OLEH PETANI-PETANI SEKARANG IALAH BELANJA MENERJAKAN SAWAH EANG TINGGI SEHINGGA MENYEBABKAN KURANGNYA KEUNTUNGAN YANG DIDAPATI OLEH MEREKA.

BELIAU TELAH BERUCAP SEMASA PERBAHASAN MENGENAI RANG UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN PELADANG YANG DIBENTANGKAN OLEH TIMBALAN MENTERI JABATAN PERDANA MENTERI, TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN.

RANG UNDANG-UNDANG ITU MEMINTA SUPAYA DISATUKAN SYARIKAT KERJASAMA BERASASKAN PERTANIAN, PERSATUAN PELADANG DAN BADAN-BADAN LAIN BERKAITAN DENGAN GALAKAN PERTANIAN BAGI MEMBAIKI KEADAAN EKONOMI DAN SOSIAL PENDUDUK LUARBANDAR.

SENATOR MAHATHIR JUGA MENCADANGKAN SUPAYA PETANI DIBENARKAN MENGAMBIL BAHAGIAN UNTUK MEMPROSES TANAMAN MEREKA AGAR UNTUNG YANG DIDAPATI BOLEH DIUNTUKKAN KEMBALI KEPADA PERSATUAN BAGI FAEDAH PETANI-PETANI SENDIRI. ---
BERSAMBUNG 1813/AZ

NEGARA-MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DENGAN MENGAMBIL CONTOH PETANI-PETANI, SENATOR ITU BERKATA WALAU PUN HARGA JAMINAN MINIMA SEBANYAK \$16 SEPIKUL PADI, PADA HAKIKATNYA KEBANYAKAN PETANI MENDAPAT KURANG DARI ITU KERANA PEMBAYARAN DAN PTONGAN BAGI MENERJAKAN SAWAH.

SELAIN DARI ITU, MEREKA JUGA TERPAKSA MEMBAYAR KEPADA ORANG TENGAH, SETENGAH DARINYA TERMASUK BADAN-BADAN KERAJAAN SEPERTI LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA.

SENATOR MAHATHIR MENCADANGKAN SUPAYA LEMBAGA ITU, YANG MEMPUNYAI 16 KOMPLEKS MENGERING PADI MENAWARKAN SAHAM KEPADA PARA PETANI SUPAYA FAEDAHNYA DAPAT DIKEMBALIKAN KEPADA MEREKA.

BELIAU MENYERU KERAJAAN MENKAJI SUPAYA KAKITANGAN PERTUBUHAN PELADANG DIPILIH DARI ORANG-ORANG YANG MEMPUNYAI DEDIKASI DAN PEGAWAI YANG BERTAULIAH.

PEMILIHAN YANG TELITI HENDAKLAH DIBUAT SUPAYA PEGAWAI YANG BENAR-BENAR BERMINAT TERHADAP KEPENTINGAN PARA PETANI DIAMBIL BERKHIDMAT DALAM PERTUBUHAN ITU. --- BERSAMBUNG

1845

SENATOR AMALUDDIN DARUS KETIKA MENYOKONG RANG UNDANG-UNDANG TERSEBUT MAHU SUPAYA PEGAWAI-PEGAWAI MAHIR DAN BERKELAYAKAN DITEMPATKAN DALAM PERTUBUHAN ITU SUPAYA SEGALA USAHA UNTUK KEPENTINGAN PELADANG TIDAK SIA-SIA.

BELIAU BERKATA LANGKAH KERAJAAN MENGADAKAN PERTUBUHAN ITU MENUNJUKKAN BETAPA KERAJAAN MENGAMBIL BERAT TERHADAP NASIB PETANI DI NEGARA INI.

SENATOR HAJI OTHMAN ABDULLAH MAHU PERTUBUHAN TERSEBUT MEMBAIKI KEMUDAHAN-KEMUDAHAN UNTUK PELADANG-PELADANG KERANA INI AKAN MENYEDARKAN PEMUDA-PEMUDA DI KAMPUNG BAHAWA ADALAH LEBIH MENGUNTUNGGAN BEKERJA DI TEMPAT MEREKA SENDIRI DARI BEKERJA DI BANDAR DENGAN GAJI \$3 SEHARI.

BELIAU JUGA MENYEBUT TENTANG MASAALAH PEMASARAN DALAM MASA PENGELUARAN YANG BERLEBIHAN DAN MENYERU SUPAYA LANGKAH TEGAS DIAMBIL MENGATASI MASAALAH INI.

SENATOR KAMARUL ARIFFIN BERKATA RANG UNDANG-UNDANG ITU MEMPUNYAI TUJUAN BAIK TAPI KERAJAAN HENDAKLAH MENENTUKAN HANYA PEGAWAI-PEGAWAI YANG BOLEH BERDAMPING DENGAN PELADANG-PELADANG MENCARI KELEMAHAN MEREKA DAN MEMPERBAIKINYA SAHAJA DIAMBIL.-BERSAMBUNG

SENATE-MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

KATANYA, HANYA PEGAWAI YANG BERKEBOLEHAN, DAPAT MEMBIMBING PELADANG-PELADANG YANG KEBANYAKAN KURANG BERPELAJARAN UNTUK MENERIMA PERUBAHAN-PERUBAHAN.

BELIAU JUGA MENYEBUT EMPAT PERKARA PENTING YANG PERLU DIBAIKI BAGI KEPENTINGAN PELADANG, IAITU KEMUDAHAN KREDIT, TEKNIK PERTANIAN BARU, PASARAN DAN PENTADBIRAN PERTUBUHAN PELADANG.

SENATOR SHAARI JUSOH BERHARAP DENGAN PERCANTUMAN PERSATUAN PELADANG DAN GERAKAN KERJASAMA MELALUI PERTUBUHAN ITU, AKAN MEMBERI KEMAJUAN KEPADA PETANI-PETANI.

BELIAU JUGA MENYEBUT TENTANG PENTINGNYA PEGAWAI-PEGAWAI YANG ADA SEMANGAT HENDAK MEMAJUKAN PETANI-PETANI DITEMPATKAN DALAM PERTUBUHAN YANG BARU ITU.

SENATOR WONG SENG CHOW KETIKA MENYOKONG RANG UNDANG-UNDANG TERSEBUT BERKATA RAMAI PETANI-PETANI TERUTAMANYA YANG BERKETURUNAN CINA KELIRU DENGAN BERBAGAI BADAN YANG DITUBUHKAN.

KATA BELIAU PADA MULANYA DITUBUHKAN GERAKAN KERJASAMA, KEMUDIAN PERSATUAN PELADANG DAN YANG AKHIR PERTUBUHAN PELADANG.-BERSAMBUNG

SENATE—MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR

+INI MENUNJUKKAN BETAPA LEMAHNYA PENYUSUNAN PERMULAAN SEBELUM MERANGKA UNDANG—UNDANG INI, + KATA BELIAU.

SENATOR WONG JUGA MENARIK PERHATIAN DEWAN MENGENAI MASALAH KEKURANGAN TANAH DAN PELADANG—PELADANG KEBANYAKANNYA MEMPUNYAI TANAH YANG TIDAK EKONOMIK.

BELIAU BERHARAP KERAJAAN AKAN MENGADAKAN LEBIH BANYAK SEKIM TANAH UNTUK DISERTAI OLEH SEMUA BANGSA BAGI KEMAJUAN SOSIO—EKONOMIK RAKYAT.

SENATOR HAJI HASSAN YAAKUB MAHU KERAJAAN MENAMBAH PERUNTUKAN BAGI PERTUBUHAN ITU JIKA SEGALA TUJUAN—TUJUAN HENDAK DILAKSANAKAN.

BELIAU JUGA BERHARAP KERJASAMA DAPAT DIUJUDKAN DIANTARA PEJABAT PERTANIAN, PEJABAT DAERAH DAN JABATAN PARIT DAN TALIAIR DEMI KEPENTINGAN PETANI—PETANI.

SENATOR DASIMAH DASIR JUGA MAHU PEGAWAI—PEGAWAI YANG MEMPUNYAI SEMANGAT PEMBANGUNAN DILANTIK DALAM PERTUBUHAN ITU.

SENATOR HAJI ABDUL RAHIM MANAN JUGA MAHU PERUNTUKAN BAGI PERTUBUHAN ITU DITAMBAH KERANA PERUNTUKAN \$4 JUTA ADALAH TIDAK MENCUKUPI.—BERSAMBUNG

NEGARA—MAHATHIR 6 KUALA LUMPUR

SENATOR HAJI ALI ISMAIL MENGGESA KERAJAAN MENELITI KELEMAHAN—KELEMAHAN DALAM SISTEM LAMA SYARIKAT KERJASAMA DAN PERSATUAN PELADANG SUPAYA BILA RANG UNDANG—UNDANG BARU DILULUSKAN IA AKAN DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN LICIN.

KATANYA PECAH BELAH BERLAKU DIKALANGAN PELADANG—PELADANG JIKA BERLAKU PERTIKAIAN DIANTARA SYARIKAT KERJASAMA DAN PERSATUAN PELADANG.

SENATOR ISMAIL SHEIKH IBRAHIM MENGGESA PERTUBUHAN PELADANG YANG AKAN DITUBUHKAN ITU SUPAYA BERHATI—HATI BILA MENGELUARKAN PINJAMAN KEPADA PETANI—PETANI MEMADANGKAN KEPADA KESULITAN YANG DIHADAPI PADA MASA—MASA LALU BILA MENDAPATKAN BALEK PINJAMAN ITU.

BELIAU JUGA MENCADANGKAN PERTUBUHAN ITU MENGAMBIL PELAJAR—PELAJAR LEPASAN SEKOLAH ATAU YANG BERKELULUSAN SPM SUPAYA DAPAT MENGATASI KEKURANGAN KAKITANGAN.

SENATOR ISMAIL BERKATA, BARANG—BARANG YANG DIBEKALKAN OLEH PERTUBUHAN MESTILAH TIDAK TINGGI HARGANYA DARI BARANG—BARANG YANG DIDAPATI DI KEDAI—KEDAI.

BELIAU MENDAKWA BARANG—BARANG YANG DIBEKALKAN OLEH PERSATUAN PELADANG ADALAH LEBIH TINGGI HARGANYA DARIPADA DI KEDAI DAN INI JUGA TELAH MENYEBABKAN RAMAI PETANI TIDAK MAHU MENJADI AHLI PERSATUAN ITU. — BERSAMBUNG 1935/AZ

NEGARA-MAHATHIR 7 KUALA LUMPUR

SENATOR ZAINUDDIN HAJI MOHAMED SIDIN MENGGESA KERAJAAN SUPAYA MENYIASAT KESULITAN YANG DIHADAPI OLEH PETANI-PETANI YANG TIDAK MEMPUNYAI TANAH TETAPI MENYEWAKAN TANAH DENGAN BAYARAN YANG AGAK TINGGI UNTUK BERCUCUK TANAM.

BELIAU BERKATA, MEREKA MENDAPAT HASIL YANG KECIL SELEPAS DITOLAK PENDAPATAN.

SENATOR YEAP KHENG YAM MENAREK PERHATIAN TENTANG MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PENANAM-PENANAM SAYUR DAN BUAH-BUAHAN DI PERAK YANG SUKAR MEMPEROLEHI TANAH.

OLEH SEBAB ITU RAMAI DARIPADA MEREKA TERPAKSA BERTANAM SECARA HARAM DI TANAH-TANAH KERAJAAN, TAMBAHNYA.

BELIAU MENGGESA KERAJAAN SUPAYA SEGERA MEMBERIKAN TANAH KEPADA BEBERAPA ORANG PENANAM LIMAU DI TAMBUN, PERAK.

PENGGULUNG PERBAHASAN, TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN, MEMBERI JAMINAN KEPADA DEWAN BAHAWA KERAJAAN AKAN BERBUAT APA SAHAJA UNTUK MEMBAIKI TARAF HIDUP PETANI-PETANI.

BAGAIMANAPUN, TAMBAHNYA, MEREKA MESTILAH PULA BERSEDIA BERKERJASAMA DENGAN KERAJAAN SUPAYA PROJEK-PROJEK AKAN DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN JAYANYA DAN MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU AKAN TERCAPAI. -- BERSAMBUNG 2010/AZ

NEGARA-MAHATHIR 8 KUALA LUMPUR

BELIAU MENERANGKAN PENUBUHAN PERTUBUHAN PELADANG ITU AKAN DAPAT MENYATUKAN PERSATUAN PELADANG DAN SYARIKAT KERJASAMA YANG BERASASKAN PERTANIAN DIBAWAH SATU BADAN.

DENGAN CARA INI, SEGALA MASALAH DAN PERTIKAIAN YANG BERLAKU PADA MASA-MASA LALU AKAN DIATASI.

DI BAWAH RANG UNDANG-UNDANG ITU, TERDAPAT PERUNTUKAN BAGI MENUBUHKAN BADAN-BADAN PEMBANGUNAN PERTANIAN YANG AKAN DAPAT MENYALURKAN PINJAMAN KEPADA PETANI DENGAN CARA YANG LEBIH KEMAS.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN TELAH MENIMBANGKAN DARI SEMUA SEGI MASALAH PETANI-PETANI DAN BERHARAP PERTUBUHAN ITU AKAN DAPAT MEMBERI PERKHIDMATAN YANG SEBAIK-BAIKNYA.

TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN BERKATA, KERAJAAN JUGA SEDAR TENTANG KEKURANGAN PEGAWAI-PEGAWAI BERKELAYAKAN DAN TERLATIH BUKAN SAHAJA DALAM BADAN-BADAN PELADANG TETAPI JUGA DI BIDANG YANG LAIN.

BELIAU MENGGESA RAKYAT SUPAYA BERSABAR OLEH KERANA KERAJAAN SEDANG BERUSAHA SEDAYAUPAYA MELATIH LEBIH RAMAI LAGI PEGAWAI UNTUK MENGISI KEKOSONGAN ITU.

RANG UNDANG-UNDANG ITU KEMUDIAN DILULUSKAN. -- BERNAMA 2013/AZ